

*Soalan 1 hingga soalan 4 berdasarkan petikan di bawah ini..*

Konsep 1 Malaysia telah diperkenalkan oleh Perdana Menteri Datuk Sri Najib Tun Razak. Matlamat Konsep 1 Malaysia adalah untuk memupuk dan mengukuhkan perpaduan nasional. Pemupukan dan pengukuhan perpaduan menjadi keutamaan kerana tanpa usaha ini, Malaysia yang bersifat pelbagai kaum tidak akan mampu mengekalkan kelangsungannya sebagai sebuah negara yang aman dan makmur.

5

Konsep 1 Malaysia bertunjangan realiti tempatan dan sejarah negara. Sehubungan dengan itu, Datuk Sri Najib telah memperincikan tiga teras utama Konsep 1 Malaysia iaitu penerimaan, kenegaraan dan keadilan sosial.

Teras pertama 1 Malaysia ialah mengubah asas perhubungan kaum di Malaysia daripada konsep toleransi kepada konsep penerimaan. Transformasi daripada toleransi kepada penerimaan amat penting kerana kemakmuran dan keharmonian memerlukan iltizam rakyat Malaysia yang pelbagai kaum. Hal ini termasuklah menjadi sebuah negara maju yang berpendapatan tinggi serta bebas kemiskinan.

10

Teras kedua, konsep ini bertunjangan prinsip-prinsip yang terkandung di dalam Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara. Hal ini demikian kerana Perlembagaan Persekutuan merupakan undang-undang tertinggi negara, manakala Rukun Negara sebagai ideologi kebangsaan untuk memupuk dan mengukuhkan perpaduan nasional. Jadi, orang-orang Melayu atau bumiputera tidak perlu bimbang Konsep 1 Malaysia akan menyimpang daripada peruntukan yang sudah sedia ada di dalam Perkara 153 ( Hak-hak Istimewa Melayu/Bumiputera).

15

Teras ketiga ialah keadilan sosial. Dasar Ekonomi Baru ( DEB ) diperkenalkan untuk membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum dan menyusun semula masyarakat. Walau pun dasar ini telah berakhir pada tahun 1990 tetapi kerajaan telah meneruskan dengan dasar-dasar pengganti yang lain. Hakikatnya tidak ada negara yang mampu maju dan makmur jika kaum majoriti terpinggir dan ketinggalan dari segi sosioekonomi. Oleh hal demikian, kita tidak boleh bersikap dogmatik dalam mengurus ekonomi sebaliknya perlu bersikap pragmatik dan sanggup memikir di luar dari kotak kelaziman.

20

25

Usaha pemupukan dan pengukuhan perpaduan nasional akan mampu bergerak secara terarah kemas dan jitu melalui inisiatif Konsep 1 Malaysia. Kita semua mencari rezeki dan membina kehidupan di bumi bertuah ini. Di sinilah bumi dipijak dan di sinilah juga langit dijunjung. Yakinlah bahawa pelaburan yang kita buat dalam usaha memupuk dan mengukuhkan perpaduan nasional adalah pelaburan yang berbaloi kerana masa depan anak-anak kita dan kelangsungan negara kita bergantung kepadanya.

30

( Dipetik dan diubah suai daripada penulis Armizan Mohd Ali, Realiti, sejarah teras 1 Malaysia )

910/1


\*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

[ **Lihat sebelah**  
**SULIT\***

- 1 Yang manakah tidak termasuk dalam Konsep 1 Malaysia?
- A Menghormati dan bersikap terbuka
  - B Berdasarkan sejarah negara semasa dijajah
  - C Memperakui ketertinggian Perlembagaan Negara
  - D Keadilan dalam kegiatan ekonomi
- 2 Apakah yang dimaksudkan ‘...bersikap dogmatik dalam menguruskan ekonomi...’?  
[ baris 26 ]
- A bersikap toleransi dalam menguruskan ekonomi
  - B bersifat pragmatik dalam mengendalikan ekonomi
  - C berpegang kepada pandangan orang lain dalam menguruskan ekonomi
  - D berpegang kepada pandangan peribadi dalam mengendalikan ekonomi
- 3 Apakah mesej yang hendak disampaikan melalui Konsep 1 Malaysia?
- A Mengukuhkan perpaduan nasional untuk keamanan negara.
  - B Mengukuhkan perpaduan nasional mengikut acuan sendiri.
  - C Pembahagian ekonomi yang sama rata kepada rakyat.
  - D Mewujudkan ekonomi yang berdaya saing.
- 4 Apakah harapan penulis dalam Konsep 1 Malaysia?
- A Rakyat mesti mengekalkan perpaduan demi generasi akan datang dan keamanan negara.
  - B Rakyat boleh mengekalkan perpaduan nasional sekiranya mematuhi undang-undang.
  - C Perpaduan nasional perlu dikekalkan untuk menarik pelaburan asing.
  - D Perpaduan nasional bergantung kepada generasi akan datang.

Soalan 5 hingga soalan 7 berdasarkan carta aliran di bawah.

**CARTA ALIRAN PENDAFTARAN & PERBICARAAN KES RAYUAN  
PENDAFTARAN KES RAYUAN**



( Dipetik dan ubah suai daripada <http://www.mahsyariahmelaka.gov.my/web/image/cartarayuan.pdf> )

910/1

\*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

[ Lihat sebelah  
SULIT\*

- 5 Seseorang perayu berjaya merayu dalam tempoh 14 hari, apakah tindakan seterusnya?
- A Membawa kes tersebut ke mahkamah untuk dibicarakan
  - B Membuat semakan semula tentang alamat penyampaian perayu dan alamat mahkamah
  - C Menunggu notis perakuan penghakiman dan menfailkan petisyen rayuan ke mahkamah
  - D Menunggu keputusan daripada Mahkamah Syariah membuat keputusan sama ada bersalah atau tidak
- 6 Kes-kes yang manakah dikendalikan oleh mahkamah tersebut?
- A Merompak secara berkumpulan.
  - B Menculik dan meminta wang tebusan
  - C Bersekedudukan dengan bukan muhrim.
  - D Melakukan pecah amanah wang syarikat dan rasuah
- 7 Pada pendapat anda mengapakah pihak mahkamah memberikan tempoh 14 hari kepada pihak merayu untuk membuat rayuan kesnya?
- A Jumlah hari untuk membuat rayuan telah diputuskan oleh pihak hakim.
  - B Dapat memberikan tempoh yang mencukupi kepada pihak pendaftar untuk membuat semakan notis rayuan.
  - C Pihak pendaftar tidak cukup pegawai untuk mengendalikan notis rayuan dalam masa yang singkat.
  - D Pihak pendaftar dan pihak merayu telah menetapkan bahawa tempoh selama 14 hari adalah mencukupi untuk menyiapkan dokumen rayuan.

*Soalan 8 hingga soalan 10 berdasarkan petikan di bawah.*

Golongan pelajar tercicir boleh menjadi beban sekiranya tidak “dijaga” dan “dipantau” dengan sebaik-baiknya. Jika dibiarkan mereka terus tercicir, natijahnya buruk kepada masyarakat dan negara. Masakan tidak, kes jenayah yang berlaku sering kali melibatkan golongan pelajar yang tercicir dalam pelajaran. Oleh sebab ingin cepat hidup mewah dan ditambah pula dengan pengaruh rakan sebaya, mereka berisiko tinggi melakukan jenayah. 5

Namun, tidak dinafikan ada juga mereka yang tidak menamatkan pelajaran di peringkat asas atau tidak berpeluang melanjutkan pelajaran ke menara gading, berjaya dalam kerjaya yang diceburi. Contohnya salah seorang bilionair Malaysia iaitu Tan Sri Syed Mokhtar al-Bukhary yang hanya memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), mampu membuktikan kepada masyarakat bahawa beliau boleh berjaya tanpa melanjutkan pelajaran ke menara gading. 10

Malangnya, “klon” Syed Mokhtar bukan mudah dicari. Tanpa usaha, iltizam diri yang tinggi, bukan mudah mereka yang tercicir dalam pelajaran berjaya dalam hidup.

Pelajar yang tercicir daripada sistem pendidikan formal dianggap berada dalam keadaan yang berisiko. Golongan ini memerlukan bimbingan serta pendidikan alternatif bagi menggantikan pendidikan formal yang tidak diteruskan. 15

Menurut Pelan Pembangunan Milenium Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, pada 1999 dianggarkan sebanyak 106 juta orang kanak-kanak tidak bersekolah. Manakala pada 2008, jumlah ini menurun kepada 69 juta orang. Di Amerika Syarikat (AS), dianggarkan setiap tahun sebanyak 1.2 juta orang belia tidak menamatkan persekolahan di sekolah tinggi (menengah).

Di Malaysia, laporan yang dikemukakan oleh Cawangan Pencegahan Jenayah, Bahagian Hal Ehwal Awam, Bukit Aman, pada 2010 menunjukkan bahawa sebanyak 1.43 peratus kes disiplin direkodkan di sekolah seluruh negara. Sebanyak 0.30 peratus daripada kes disiplin ini melibatkan kes jenayah seperti pergaduhan dan kes kecurian. Majoriti pelajar yang terlibat dalam kes disiplin yang serius dikenakan tindakan tatatertib seperti dibuang sekolah. 20

Angka yang diberikan bukan sahaja membimbangkan, malah mampu menggugat sistem pendidikan yang berperanan sebagai mangkin melahirkan masyarakat yang berguna. Walaupun ada segelintir pihak menganggap jumlah mereka yang tercicir dalam pelajaran di negara ini masih dalam kawalan, harus diingatkan bahawa jumlah kecil inilah sebenarnya perlu ditangani dengan segera agar tidak menjadi lebih serius. 25

(Rencana ini diambil daripada *Dewan Masyarakat September 2011*. Kandungan rencana telah disunting daripada kandungan asal oleh Muhammad Rafiq Abdul Rahman )

910/1


\*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

[ **Lihat sebelah**  
**SULIT\***

- 8 Apakah tajuk yang paling sesuai untuk petikan di atas?
- A Risiko tercicir
  - B Nasib golongan pelajar tercicir
  - C Golongan pelajar yang bermasalah
  - D Golongan pelajar yang tercicir diberi perhatian
- 9 Apakah maksud 'dijaga' dalam petikan di atas? ( Baris 1 )
- A Golongan tercicir mesti diberi peluang bersekolah semula.
  - B Memberikan bantuan kepada golongan ini dan selalu dipantau.
  - C Perlu melakukan sesuatu kepada golongan ini supaya mereka dapat berdikari dan membantu masyarakat.
  - D Membimbing mereka menjadi insan yang berguna kepada negara dan masyarakat dan bukan mendatangkan masalah.
- 10 Apakah tindakan yang paling sesuai untuk membantu golongan pelajar tercicir?
- A Memberi peluang kepada mereka belajar di institusi kemahiran.
  - B Memberi peluang kepada mereka belajar semula di sekolah.
  - C Memberi kaunsling, didikan agama dan moral.
  - D Memberi peluang menceburi bidang perniagaan.

Soalan 11 berdasarkan carta di bawah.

11



Berdasarkan rajah di atas, **X** ialah

- A Polinesia
- B Mikronesia
- C Nusantara
- D Melanesia

12 Berikut adalah ciri-ciri bahasa Melayu kuno

- I Kosa katanya banyak dipengaruhi oleh bahasa Sanskrit
- II Menggunakan tulisan Palava, Nagiri dan Kawi
- III Ayat-ayat yang panjang dan meleret-leret
- IV Menggunakan tulisan Arab berbentuk kufi

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

910/1

\*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

[ Lihat sebelah  
SULIT\*

13 Yang manakah bahan bukti penggunaan bahasa Melayu klasik?

- I Batu bersurat di Minye Tujuh
  - II Batu bersurat Talang Tuwo
  - III Batu bersurat Kedukan Bukit
  - IV Batu bersurat di Sungai Teresat
- 
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

14 Yang manakah hasil karya Za'aba ( Zainal Abidin Ahmad )?

- I Kitab Loghat Melayu
  - II Kitab Salasilah Melayu
  - III Ilmu Bahasa Melayu
  - IV Pelita Bahasa Melayu
- 
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV



- 15 Berikut adalah matlamat Dewan Bahasa dan Pustaka ( DBP ) **kecuali**
- A Memaju dan memperkayakan bahasa kebangsaan
  - B memajukan bakat kesusasteraan dalam bahasa kebangsaan
  - C Menjadikan bahasa Melayu bahasa utama di Asia Tenggara
  - D Menyusun dan menerbitkan sebuah kamus bahasa kebangsaan
- 16 Antara yang berikut, yang manakah asas pemilihan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan?
- I Bahasa Melayu boleh dituturkan semua bangsa
  - II Bahasa Melayu mudah difahami dan dan digunakan sebagai percakapan harian
  - III Bahasa Melayu telah berperanan sebagai bahasa pentadbiran
  - IV Bahasa Melayu pernah menjadi lingua franca
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
- 17 Yang manakah berkaitan dengan perancangan korpus bahasa Melayu?
- A Membakukan sebutan dan menambahkan kosa kata
  - B Menterjemah buku-buku daripada bahasa Inggeris
  - C Membakukan dialek daerah menjadi bahasa formal
  - D Mengenal pasti kesalahan bahasa dalam kalangan masyarakat

18 Yang manakah kosa kata di bawah mempunyai imbuhan pinjaman bahasa Sanskrit?

- A tatasusila
- B rohaniah
- C geologi
- D automatik

19 Yang manakah ayat-ayat di bawah ini menggunakan bahasa mesra dan bahasa formal yang betul?

	<i>Bahasa Mesra</i>	<i>Bahasa Formal</i>
A	I nak pergi rumah you petang ni, boleh tak?	Bolehkah saya pergi ke rumah awak pada petang ini?
B	Ahmad pergi ke tandas sebentar tadi. Katanya nak buang air besar.	Baru saja Ahmad pergi ke tandas untuk buang air besar.
C	Beta tidak suka rakyat beta malas bekerja dan mengharapkan bantuan kerajaan.	Sultan tidak menyukai rakyat malas bekerja dan meminta bantuan kerajaan.
D	Pak Long sedang bersiram di bilik air.	Pak Long sedang mandi di dalam bilik air.

20

- Tidak mementingkan struktur ayat
- Bersifat ringkas, padat dan tepat
- Istilah-istilah dipinjam daripada bahasa Inggeris
- Menggunakan binaan ayat yang panjang

Ciri-ciri di atas menepati laras bahasa

- A iklan
- B undang-undang
- C media massa
- D syarahan

21

Aminah seorang pelajar yang pintar di sekolahnya. Dia mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan tahun 2011.

Wacana di atas menunjukkan hubungan semantik dari segi


- A sebab dan tujuan
- B sebab dan hasil
- C syarat dan hasil
- D sebab dan akibat

910/1

\*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

[ Lihat sebelah  
SULIT\*

22



Gambar rajah di atas menunjukkan ciri-ciri wacana X ialah

- A Maklumat bertentangan
- B Tatabahasa
- C Isi tidak tersusun
- D Hubungan ejaan dengan khalayak

23

Fenomena transit Planet Zuhrah berlaku pada 5 dan 6 Jun 2012. Fenomena ini berlaku pada awal petang 6 Jun 2012. Keajiban alam ini akan berlaku semula dalam tempoh 105 tahun akan datang. Transit ini berlaku selama 6 jam 40 minit. Penduduk kawasan Asia dapat melihat transit Zuhrah apabila matahari terbit.

Petikan di atas menepati retorik

- A penghujahan
- B penceritaan
- C pendedahan
- D penerangan

910/1

\*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

[ Lihat sebelah  
SULIT\*

24

- Memberikan penjelasan secara terperinci
- Gaya bahasa, intonasi dan nada yang menarik
- Menggunakan bahasa formal


Penyataan di atas menepati ciri retorik

- A penerangan
- B penghujahan
- C penceritaan
- D pendedahan

25 Antara yang berikut, yang manakah pasangan gelaran kurniaan yang betul?

	<i>Suami</i>	<i>Isteri</i>
A	Tun	Datin
B	Datuk Seri	Datuk
C	Tan Sri	Toh Puan
D	Datuk Seri	Datin Seri

26



Vokal yang ditandai huruf **U** dalam rajah di atas terdapat pada kata

- A orang
- B enak
- C itik
- D untuk

910/1

\*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

[ Lihat sebelah  
SULIT\*

27 Yang manakah kosa kata di bawah ini mengandungi separuh vokal?

- A wayang
- B abang
- C emping
- D udang

28 Pilih pernyataan yang benar tentang cara penghasilan bunyi vokal

- A Semasa bunyi dihasilkan, bibir berada dalam kedudukan biasa
- B Untuk menghasilkan bunyi vokal, pita suara digetarkan
- C Semasa bunyi vokal dihasilkan udara dari paru-paru tersekat di rongga mulut
- D Untuk menghasilkan bunyi vokal, bahagian hujung lidah ditembakkan ke gigi-gusi

29

- Lidah dirapatkan ke langit keras untuk membuat sempitan
- Langit lembut dinaikkan rapat ke belakang rongga tekak
- Udara dibiarkan bergesel di daerah gigi-gusi
- Pita suara digetarkan

Kata yang mempunyai bunyi seperti pernyataan di atas ialah

- A [ variasi ]
- B [ iənin ]
- C [ suara ]
- D [ zuriat ]

30 Yang manakah kosa kata bunyi letupan dua bibir bersuara?

- A [ samping ]
- B [ takut ]
- C [ bakul ]
- D [ dagu ]

910/1

\*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

[ Lihat sebelah  
SULIT\*

31

- Depan lidah ditemukan pada daerah langit keras dan langit lembut dinaikkan rapat ke belakang rongga tekak
- Udara tersekat di bahagian belakang pertemuan antara depan lidah dan langit keras
- Udara dilepaskan perlahan-lahan tanpa menggetarkan pita suara

Penyataan di atas sesuai dengan kosa kata

- A [ čačiq ]
- B [ janji ]
- C [ bariq ]
- D [ hantar ]

32 Yang manakah perkataan yang mengalami glotalisasi ketika membunyikannya?

- I makna
  - II semak
  - III limau
  - IV Senoi
- 
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan I

910/1

\*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

[ Lihat sebelah  
SULIT\*

- 33 Yang manakah padanan yang betul antara kumpulan konsonan dengan daerah sebutan semua konsonan berkenaan?

	<i>Kumpulan sebutan</i>	<i>Daerah sebutan</i>
A	s,r,n	Lelangit lembut
B	p,b,m	bibir
C	C, y, [ ŋ ]	Gigi-gusi
D	K, g, [ ŋ ]	bibir

- 34 Ayat-ayat yang berikut mempunyai kata yang berimbuhan teR- dengan pengertian yang sama kecuali

- A Pak Samad terbuat kerja yang berat itu.
- B Pasukan negeri tertewas oleh pasukan pelawat.
- C Cikgu Tini tidak terbaca tulisan yang buruk itu.
- D Pelbagai juadah hari raya terhidang di atas meja.

35

	<i>Kata terbitan</i>	<i>Kata ganda</i>
I	belantara	kelupas
II	Kutipan	lelangit
III	Buatan	kekuda
IV	tempurung	gerigi

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

910/1

\*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

[ Lihat sebelah  
SULIT\*



36 Yang manakah perkataan yang mempunyai empat morfem?

- A Mempelopori
- B Menjelajahi
- C Bergemuruh
- D Bermuafakat

37

- Mereka *sudah* bermesyuarat.
- Kami *pernah* ke negeri matahari terbit.
- Pertanyaan pemuda itu *belum* berjawab.

- A Kata penegas
- B Kata bantu aspek
- C Kata bantu ragam
- D Kata sendi nama

38 Ayat yang manakah yang mempunyai kata kerja yang membawa maksud benefaktif

- A Ibu memasak tamu gulai tempoyak.
- B Yayasan itu merancang Projek Tekun.
- C Mereka menghampiri rumah usang itu.
- D Berita itu mendukacitakan kami.

39 Pilih ayat yang tidak mengandungi kata majmuk.

- A Baju merah jambu itu milik adik.
- B Kebanyakan tamu membawa buah tangan.
- C Mereka bekerja di bawah panas terik sejak semalam.
- D Guru besar sekolah adik saya telah bersara baru-baru ini.

910/1

\*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

[ Lihat sebelah  
SULIT\*

- 40 Antara frasa sendi nama yang berikut, yang manakah yang betul penggunaanya?
- I Permohonan itu akan diteliiti dari masa ke semasa.
  - II Dakwaan mereka akan disiasat dari semasa ke masa.
  - III Kejadian ganjil itu akan dikaji dari semasa ke semasa
  - IV Peristiwa yang menakjubkan itu akan diberi perhatian dari masa ke masa.
- A I dan II  
B I dan IV  
C II dan III  
D III dan IV
- 41 Ayat yang manakah mengandungi kata penegas bebas?
- I Bagaimanakah peristiwa itu berlaku?
  - II Mereka ingin juga menyertai peraduan itu.
  - III Hanya Amin seorang yang telah sampai di pejabat.
  - IV Dialah orang yang memberi bantuan kepada kami kelmarin.
- A I dan II  
B I dan IV  
C II dan III  
D III dan IV
- 42 Yang manakah ayat yang menggunakan kata sendi nama dengan betul?
- A Buku itu disusun di atas meja satu demi satu.
  - B Kemalangan itu perlu dilaporkan pada polis.
  - C Mereka sentiasa berbincang di antara adik beradik.
  - D Pengurus itu mengambil berat terhadap kebajikan pekerja-pekerjanya.

- 43 Yang manakah ayat yang mengandungi kata majmuk yang dieja dengan betul?
- A Peraturan baru itu akan berkuatkuasa tidak lama lagi..
  - B Hilmi akan mengulang kaji pelajaran tiga jam sehari.
  - C Ceramah motivasi itu ilmu itu akan berakhir pada pukul 12.00 tengahari.
  - D Pihak urusetia perlu memastikan majlis perasmian itu berjalan lancar.
- 44 Antara ayat berikut, yang manakah yang mempunyai kata kerja aktif tak transitif?
- I Kambing itu mengembek sekuat-kuatnya.
  - II Dia membuat pengumuman tentang hal itu.
  - III Nenek memasak kari ikan tenggiri pagi tadi.
  - IV Beberapa orang kanak-kanak berlari di padang bola.
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
- 45 Yang manakah ayat yang mempunyai kata kerja dengan dua objek?
- A Jambatan kayu merintanggi sungai itu
  - B Mereka menaiki kereta api ke selatan.
  - C Kapal-kapal itu menyusuri pesisir pantai
  - D Puan Aisyah membelikan anaknya baju kurung.

46 Yang manakah pernyataan yang betul tentang ayat dasar?

- I Terdiri daripada ayat tanya
- II Terdiri daripada ayat pasif
- III Terdiri daripada satu klausa
- IV Terdiri daripada ayat penyata

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

47

Beberapa buah meja bilik persidangan itu telah di bawa keluar.

Unsur inti dalam subjek di atas ialah

- A persidangan
- B buah
- C meja
- D bilik

48 Yang manakah ayat tunggal?

- I Aqilah membeli baju yang berwarna biru.
- II Lemah lembut sifat orang-orang timur
- III Masih teguh lagi bangunan sekolah itu.
- IV Dia kebingungan bagai rusa masuk kampung.

- A I dan III
- B I dan IV
- C II dan III
- D II dan IV

910/1

\*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

[ Lihat sebelah  
SULIT\*

- 49 Ayat yang manakah yang mengandungi kata kerja pasif dengan imbuhan teR-
- A Gula-gula itu tertelan oleh adik
  - B Ayah tidak terbeli rumah besar itu.
  - C Pekerja itu terhidu gas beracun.
  - D Abu ternampak seekor ular sawa di belakang rumahnya.
- 50 Yang manakah ayat yang tidak mengalami proses pengguguran?
- A Guru kami menjelaskan bahawa murid-murid rajin belaka.
  - B Anak saudara saya cerdik tetapi pemalu
  - C Pegawai itu datang ke pejabat walaupun sakit.
  - D Yang tinggi itu bangunan Menara Berkembar Petronas.
- 51 Antara yang berikut, yang manakah ayat pasif yang betul binaannya?
- I Novel itu telah kubaca kelmarin.
  - II Perkara penting itu telah dia persetujui.
  - III Pakaian itu telah dibeli oleh kami semalam.
  - IV Rumah kos rendah itu telah dibina oleh pemaju dengan teliti.
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

52 Ayat yang manakah merupakan ayat majmuk pancangan keterangan?

- I Bayi itu merengek kerana ia lapar.
- II Kanak-kanak itu berlari sambil menangis.
- III Mereka ke sekolah dengan menunggang basikal.
- IV Keluarga nelayan itu miskin tetapi hidup mereka bahagia.

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan III
- D III dan IV

53

<i>Unsur pendepanan</i>		<i>Contoh ayat</i>	
I	Seluruh Predikat	P	Lesu badannya sepanjang hari
II	Frasa Kerja	Q	Masih belum sampai datuknya.
III	Frasa Adjektif	R	Menangis budak itu setiap petang.
IV	Frasa Sendi Nama	S	Daripada Aiman e-mel itu.

Yang manakah padanan yang betul antara unsur pendepanan dengan contoh ayatnya?

	I	II	III	IV
A	S	P	Q	R
B	S	Q	R	P
C	Q	R	P	S
D	Q	P	R	S

910/1

\*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

[ Lihat sebelah  
SULIT\*

- 54 Ayat yang manakah **bukan** ayat majmuk?
- A Kakak memandang saya sambil tersenyum.
  - B Pelajar itu petah bercakap lagi hebat berpidato.
  - C Kain yang dibelinya terlalu mahal, padahal ada yang lebih murah.
  - D Orang ramai sedang berlegar-legar di kawasan pameran itu.

- 55 

Cikgu Laila menegaskan bahawa kejayaan bergantung pada usaha
--

Pilih pernyataan yang benar tentang ayat di atas.

- I Ayat tunggal
  - II Ayat majmuk
  - III Mempunyai pelengkap
  - IV Mempunyai objek
- 
- A I dan II
  - B I dan III
  - C II dan IV
  - D III dan IV

56 Antara yang berikut, ayat yang manakah mengandungi subjek kata kerja yang berfungsi sebagai kata nama.

- I Pesanan ibu diingat selalu.
  - II Bersukan mencerdaskan minda.
  - III Kuning keemasan warna yang menyerlah.
  - IV Pengambilan alkohol boleh mengganggu sistem saraf.
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

57

- |  |
|--|
| <ul style="list-style-type: none"><li>I. Musim hujan dingin.</li><li>II. Musim kemarau panas</li></ul> |
|--|

Sekiranya ayat I dan II disatukan, ayat yang terhasil ialah ayat majmuk

- A pancangan keterangan
- B komplemen
- C relatif
- D gabungan



58

	<i>Jenis kiasan</i>		<i>Contoh</i>
I	sandar	P	budak bertuah
II	pemanis	Q	cakapnya berisi
III	melarat	R	harimau berantai
IV	terus	S	senyum kambing

Yang manakah padanan yang betul

	I	II	III	IV
A	S	P	Q	R
B	Q	P	R	S
C	P	S	Q	R
D	S	P	R	Q

59

I : Berjagung-jagung dahulu sebelum padi masak  
 II : Kecil jangan disangka anak, besar jangan disangka bapa

Yang manakah padanan yang betul antara I dan II

A	Perumpamaan	Perbilangan
B	Pepatah	Perumpamaan
C	Bidalan	Pepatah
D	Perbilangan	Bidalan

60

“ Berteduhlah di bawah pohon yang *rendang* itu,” kata ibu.  
 “ Rempah ratus itu sudah saya *rendang* tadi,” kata adik.

Perkataan yang berhuruf condong dalam ayat di atas merupakan

- A homograf
- B homonim
- C homofon
- D hiponim

910/1

\*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

[ Lihat sebelah  
**SULIT\***

**SULIT \***

**910/2**

**PEPERIKSAAN  
PERCUBAAN STPM  
2012**

**BAHASA MALAYSIA**

**KERTAS 2**

**ESEI**

**(Tiga jam)**

**JABATAN PELAJARAN NEGERI PAHANG**

**SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA**  
(MALAYSIA HIGHER SCHOOL CERTIFICATED)

**Arahan kepada calon:**

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA ANDA DIBENARKAN  
BERBUAT DEMIKIAN.**

*Jawab **satu** soalan daripada Bahagian A, soalan dalam Bahagian B, **satu** soalan daripada Bahagian C, dan soalan dalam Bahagian D.*

*Gunakan lembaran kertas yang berasingan untuk tiap-tiap jawapan.*

*Markah bagi tiap-tiap soalan diberikan dalam tanda kurungan [    ].*

---

**Kertas soalan ini terdiri daripada 7 halaman bercetak dan 1 halaman kosong.**

STPM 910/2

\*Kertas soalan ini sulit sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

**[Lihat sebelah**

**SULIT**

## **BAHAGIAN A**

Tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 650 hingga 700 patah kata dengan berdasarkan **satu** daripada tajuk-tajuk di bawah ini. **(50)**

1. Sebagai seorang pegawai di Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia, anda telah diarahkan untuk menyampaikan ceramah kepada sekumpulan pegawai pertanian dari negara jiran yang mengikuti program lawatan dalam perkhidmatan . Ceramah anda adalah tentang usaha-usaha yang dilakukan oleh kerajaan untuk memperkasa sektor pertanian negara. Sediakan teks ceramah anda selengkapnya.
2. Integrasi nasional dalam kehidupan masyarakat berbilang kaum penting untuk memupuk toleransi yang mengelakkan sebarang pergeseran dan prejudis antara kaum yang akan menggugat keutuhan bangsa Malaysia. Sehubungan dengan itu, kerajaan telah melaksanakan pelbagai strategi sebagai wahana integrasi nasional. Huraikan strategi tersebut.
3. Kemajuan sains dan teknologi telah menghasilkan bahan kimia yang banyak manfaat kepada tamadun bangsa. Walau bagaimanapun, penggunaan bahan tersebut tanpa kawalan boleh memudaratkan kehidupan . Bincangkan kesan penggunaan bahan kimia dalam kehidupan.
4. Kemerosotan pencapaian atlet-atlet negara ketika bertanding sama ada di peringkat serantau atau antarabangsa seolah-olah mengesahkan bahawa mutu sukan negara semakin merudum. Sehubungan dengan itu, kerajaan telah melaksanakan usaha untuk meningkatkan mutu sukan negara. Jelaskan usaha kerajaan untuk memartabatkan sukan negara.

## BAHAGIAN B

*5. Fahami petikan di bawah ini dan kemudian rumuskan petikan ini dengan padat dan ringkas tanpa menjejaskan isi kandungannya. Rumusan hendaklah dibuat dalam tidak lebih daripada tiga perenggan dan panjangnya hendaklah antara 180 hingga 190 patah perkataan. Jumlah perkataan dalam jawapan hendaklah ditulis pada akhir jawapan. (20)*

Perjalanan kewangan Islam di negara ini semakin berkembang dengan pesat hasil daripada sistem kewangan Islam yang komprehensif dan kukuh yang beroperasi seiring dengan sistem kewangan konvensional. Di Malaysia, pengenalan dan penguatkuasaan Akta Bank Islam 1983 merupakan permulaan awal kepada pembangunan sistem kewangan Islam secara menyeluruh. Malaysia sebagai sebuah negara Islam yang termaju di rantau ini berjaya untuk menarik pelabur dari negara-negara Islam Timur Tengah dan Eropah. Negara-negara tersebut yakin dan tidak ragu-ragu untuk melabur dalam produk dan perkhidmatan perbankan Islam yang ditawarkan. Sehubungan dengan itu, Malaysia telah diisytiharkan bakal menjadi pusat kewangan Islam antarabangsa.

Cabaran baharu serta tekanan persaingan yang semakin hebat juga mendorong kewujudan liberalisasi kewangan dan revolusi teknologi dalam sistem kewangan Islam di negara ini. Hal ini termasuklah tuntutan pelanggan yang semakin meningkat untuk produk yang berlainan, harga komoditi yang lebih kompetitif dengan kualiti perkhidmatan terbaik, dan tahap kecekapan yang tinggi. Peluang-peluang strategik juga timbul daripada pertumbuhan bidang baharu dan pasaran yang lebih luas apabila integrasi ekonomi di peringkat serantau dan antarabangsa telah menjadi bertambah pantas akibat didorong oleh aliran perdagangan dan pelaburan yang semakin berkembang di peringkat global.

Sistem kewangan dan perbankan Islam di negara ini perlu lebih berwaspada dan berusaha untuk menyiapkan diri bagi menghadapi persaingan daripada negara-negara bukan Islam yang mahu menjadi pusat perkhidmatan kewangan Islam antarabangsa. Negara berkenaan biasanya berpotensi untuk mencuri pelanggan memandangkan kesediaan mereka berkompromi untuk mengikut kehendak pasaran dan mengetepikan kehendak syariah yang kadang kala terlalu ketat. Oleh sebab itu, institusi perbankan Islam tempatan perlu mengamalkan model perbankan Islam yang tulen dan mengikut syariah yang sebenar tetapi pada masa yang sama masih lagi luwes mengikut keperluan semasa.

Perubahan pesat yang berlaku dalam lanskap kewangan negara memerlukan satu generasi baharu yang profesional dan lebih memberi tumpuan kepada pelanggan yang arif teknologi, berkelayakan lebih tinggi, luwes, dan tangkas serta mempunyai kemahiran terkini yang lebih menyeluruh daripada sebelumnya. Sebagai peneraju utama perbankan Islam di negara ini, BIMB Holdings Bhd. perlu sentiasa melaksanakan pembaharuan, khususnya perubahan strategik dalam operasi kumpulan, pembangunan infrastruktur, teknologi, dan pembangunan modal insan bagi memulihkan keuntungan dalam syarikat dan kekal berdaya saing.

Kejayaan sistem perbankan Islam di negara ini meletakkan Malaysia sebagai peneraju dalam sistem kewangan Islam dunia. Pelbagai saingan dan rintangan bakal menjelma dengan munculnya pemain-pemain utama sektor kewangan. Sistem perbankan Islam di negara ini harus sentiasa terkini dan peka untuk melengkapkan institusi kewangan dengan maklumat, teknologi, dan inovasi.

(Dipetik dan diubahsuaikan daripada Dewan Ekonomi, Mac 2007, muka surat 14 -16)

### Bahagian C

Jawab **satu** soalan sahaja.

6. *Alih bentuk bahasa petikan di bawah ini kepada bentuk prosa biasa dengan memindahkan bentuk dialog kepada bentuk cakap pindah. Petikan yang terhasil mestilah memperlihatkan ciri-ciri satu wacana.* (15)

Pak Ku sedang duduk di hadapan kedainya. Pak Ku ialah seorang mualaf keturunan Cina, separuh umur. Berketayap. Ia sedang menghisap paip cina sambil mengipas-ngipas badan.

Pak Leman: Pak Ku, itulah ramalan Tuk Nujum. Itulah keadaan anak cucu hamba jika nasib mereka tidak diubah. (Daif irama suaranya).

Pak Ku : Jangan bimbang, Pak Leman. Kita boleh berusaha, cuba mengubah nasib mereka. Lagi pun itu ramalan saja.

Pak Leman : Eh, takkan Pak Ku tak percaya pula?

Pak Ku : Percaya, percaya; terutama sekali ramalan yang baik. Apa agama Islam kata, saya percaya. Ajaran-ajaran cara hidup orang Cina pun, saya percaya. Aa... aa... apa kata Pak Andak?

Pak Leman : Kata Pak Andak, tinggallah di Kampung Sukamenanti ni. Kata dia, kita berusaha bersama-samalah, sehingga hamba dapat tebus kembali anak isteri, kampung halaman. Garam sebuku, sirih sepiak; beras segenggam, bersama-samalah kita.

Pak Ku : Saya setuju, Pak Leman, saya setuju. Pak Andak tu ada sawah, dusun sedikit; saya pun ada ladang ; kedai sepintu dua; boleh Pak Leman.

Pak Leman : Terima kasih, Pak Ku.

(Dipetik dan diubasuaikan daripada *Tiang Seri Tegak Seribu* dalam *Bukan Lalang Ditiup Angin*, Noordin Hassan , 1996, DBP, halaman 73 ,)

7. Alih bentuk laras undang-undang berikut kepada bentuk prosa biasa.

**Acara bagi pelucutan kewarganegaraan**

27. (1) Sebelum membuat sesuatu perintah di bawah Perkara 24, 25 atau 26, Kerajaan Persekutuan hendaklah memberitahu dengan bertulis kepada orang yang ke atasnya dicadang hendak dibuat perintah itu mengenai alasan-alasan yang dicadang hendak dibuat perintah itu dan juga bahawa ia adalah berhak merujuk halnya ini kepada suatu jawatankuasa siasatan di bawah Perkara ini.

(2) Jika seseorang yang menerima pemberitahu itu memohon supaya halnya dirujuk seperti tersebut di atas Kerajaan Persekutuan hendaklah, dan mengenai sesuatu hal lain Kerajaan Persekutuan boleh, merujuk hal itu kepada suatu jawatankuasa siasatan yang terdiri daripada seorang pengerusi (iaitu seorang yang ada mempunyai pengalaman kehakiman) dan dua orang ahli lagi yang dilantik oleh kerajaan bagi maksud itu.

(3) Dalam sesuatu hal yang dirujuk itu, jawatankuasa itu hendaklah mengadakan suatu siasatan secara yang diarah oleh Kerajaan Persekutuan, dan menghantar laporannya kepada Kerajaan Persekutuan; dan Persekutuan hendaklah memberi perhatian terhadap laporan itu bagi memutuskan sama ada hendak membuat perintah atau tidak.

(Dipetik dan diubahsuaikan daripada Perlembagaan Persekutuan, 1999, Bahagian 111 Kewarganegaraan, muka surat 696)

## **BAHAGIAN D**

*8. Kenal pasti kesalahan bahasa dalam petikan di bawah ini. Bagi setiap kesalahan, jelaskan sebab kesalahan dan kemudian buat pembedaan.* (15)

Seseorang yang menguasai pelbagai bahasa mempunyai banyak kelebihan dalam hidupnya. Lazimnya, orang boleh bertutur dalam pelbagai bahasa mempunyai akses mudah kepada khazanah budaya, adat resam, dan ilmu pengetahuan. Di samping itu, beliau mudah menyesuaikan diri dalam sebarang situasi, budaya, dan masyarakat. Dalam lain perkataan, seseorang itu boleh diibaratkan sebagai masuk kandang kambing mengembek, masuk kandang kerbau menguak. Orang seperti ini turut mudah bercampur-gaul dengan sesiapa sahaja kerana kemampuannya untuk berinteraksi secara berkesan dalam pelbagai bahasa. Selain daripada itu, dia tidak menghadapi banyak masalah dalam hidup kerana masalah dia akan selesai segera. Hal ini sekali gus akan meluaskan pengalaman hidupnya sebagai seorang insan.